

Ceramah hartanah pikat pengunjung

Program bantu
belia rancang
beli rumah elak
rugi, ditipu

Oleh Nurul Amanina Suhaini
cnews@nstp.com.my

Johor Bahru: Pengunjung Pameran hartanah, MyRumah 2019 anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) yang diadakan Komtar JBCC, dekat sini, tidak melepaskan peluang menyertai sesi ceramah dan mengunjungi ruang pameran yang disediakan di sini.

Pekerja swasta, Muhammad Hakim Zainuddin, 27, yang mengetahui pameran hartanah itu menerusi laman sosial Facebook (FB) hadir seawal jam 9 pagi bagi mengetahui lanjut tarikan program berkenaan.

Katanya, sebagai belia yang mengimpikan rumah pertama, ilmu hartanah dan perancangan belian rumah amat penting bagi mengelakkan sebarang kerugian mahupun penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

myrumah

PAMERAN HARTANAH
16 - 18 Ogos 2019 | 10 pagi - 10 malam
KOMTAR JBCC, Johor Bahru

MyRumahMPB

**Saya boleh
merancang masa
depan, di samping
bertanya apa yang saya
perlu tahu menerusi
'trusted' pemaju.**

Muhammad Hakim Zainuddin,
Pekerja swasta

"MyRumah sediakan sesi ceramah menarik. Sekadar mengetahui tidak memadai, apa yang dicari adalah pemahaman mengenai hartanah dan lokasi perumahan yang strategik.

"Saya boleh merancang masa depan, di samping bertanya apa



Pengasas MyCribBooking.com, Akmal Nizam Abdul Halim menyampaikan ceramah pada Pameran Hartanah MyRumah 2019 di Komtar JBCC, Johor Bahru, semalam. (Foto Halrul Anuar Rahim/BH)

yang saya perlu tahu menerusi 'trusted' pemaju," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Zulkefli Md Noor, 45, berkata sebagai Bumiputera, banyak manfaat yang boleh diperoleh menerusi jenis perumahan

yang ditawarkan oleh pemaju.

Beliau yang datang dari Muar berharap program MyRumah serupa ini dapat diadakan berterusan kerana penduduk di Johor amat memerlukan rumah berikutan peluang pekerjaan banyak di sini.

"Peluang kerja banyak, mesti

ramai yang seperti saya, terutama sudah berkeluarga mahu cari rumah sendiri berbanding rumah sewa.

"Peluang ceramah percuma ini turut perlu dimanfaatkan kerana banyak maklumat terutama mengenai hartanah serta pelaburan aset boleh didapatkan," katanya.